



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 7 Februari 2014 (Jumaat)

Tender adalah dipelawa kepada Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** di bawah Kod Bidang **210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210107** dan **pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut :-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	HARGA DOKUMEN (RM)
Tawaran Tender Bagi Perkhidmatan Sokongan Operasi Dan Penyelenggaraan Sistem Aplikasi Bagi Projek Teleprimary Care (TPC) Untuk Kementerian Kesihatan Malaysia. No. Tender : X0251010304140021	25/2014	Secara ePerolehan

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak di alamat seperti di atas semasa waktu pejabat mulai **7 Februari 2014 (Jumaat)** atau dengan melayari www.eperolehan.com.my.

ISNIN – KHAMIS	- 8.00 PAGI	- 1.00 PETANG
	- 2.00 PETANG	- 4.00 PETANG
JUMAAT	- 8.00 PAGI	- 12.00 TENGAH HARI
	- 2.45 PETANG	- 4.00 PETANG

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Nombor Rujukan yang dijana oleh sistem ePerolehan boleh diperolehi di Kaunter *Telecenter* di alamat dan no. Telefon seperti di atas mulai **7 Februari 2014 (Jumaat) dengan hanya perlu membawa No.**

Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Salinan Sijil Pendaftaran untuk pengesahan pendaftaran.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan dan cadangan ini perlu dikemukakan secara manual **pada atau sebelum 28 Februari 2014 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari.** Semua dokumen sokongan tender (seperti katalog, profil syarikat dan lain-lain) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis No. Rujukan Unik yang dijana oleh sistem ePerolehan. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti di atas **pada atau sebelum 28 Februari 2014 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari.** **TAWARAN YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.